

BAB I

PENDAHULUAN

BAB I

PENDAHULUAN

1. LATAR BELAKANG MASALAH

Negeri Kelantan sememangnya terkenal dengan berbagai keistimewaan. Disepanjang sejarahnya sejak zaman berzaman dikenali sebagai lubuk budaya Melayu, pusat pemancaran agama Islam dan tradisi keilmuan. Sejarahnya telah memperlihatkan tahap yang menarik dari segi perkembangan politik, sosio-ekonomi dan wawasan kebudayaan yang unik. Ia dilihat sebagai sebuah negeri yang mencerminkan sifat kemelayuan. Hal ini diakui bukan sahaja oleh masyarakat tempatan tetapi juga oleh sarjana antarabangsa.¹

Suatu masa dahulu negeri ini telah melahirkan ramai tokoh yang banyak memberi sumbangsan dalam berbagai bidang terutama agama, politik, pendidikan dan persuratan. Nama-nama seperti Tok Pulai Chondong (1792-1873)², Tok Wan Ali Kutan (1820-1913)³, Tuan Tabal (1840-1890)⁴, Tok Kenali (1870-

¹ Abd. Aziz Deraman (1991), "Dilema dan Cabaran Tamadun Kelantan", *Mastika*, Kuala Lumpur : Utusan Melayu (M) Berhad, Oktober 1991, h.15.

² Nama penuh beliau ialah Haji Abdul Samad bin Faqih Haji Abdullah bin Imam Hashim, dilahirkan di Kg. Bukit, Pulai Chondong.

³ Nama beliau ialah Haji Wan Ali bin Haji Abdul Rahman bin Abdul Ghafur, dilahirkan di Kg. Kutan tidak jauh dari Kota Kubang Labu.

⁴ Nama penuh beliau ialah Haji Abdul Samad bin Muhammad Saleh al-Kelantani, dilahirkan di Kg. Tabal di tebing sebelah barat Sg. Golok.

1933)⁵, Haji Wan Musa (1874-1939)⁶, Tok Selehor (1872-1935)⁷, Kadir Adabi (1901-1944)⁸, Dato' Asri Haji Muda, Dato' Haji Mohamed bin Nasir, Dato' Yusof Zaki dan ramai lagi merupakan tokoh yang tidak asing kemasyhuran mereka di kalangan rakyat Kelantan dan Malaysia.

Seawal tahun 1780-an lagi Kelantan telah dikunjungi oleh para penuntut dari dalam dan luar negeri untuk belajar di institusi pengajian agamanya.⁹ Dari institusi itulah lahir ramai ulama' besar di Tanah Melayu dan Nusantara pada abad yang lalu. Setelah berlakunya beberapa perubahan dalam sistem pendidikan tanah air dengan diperkenalkan sistem pendidikan sekolah maka institusi pendidikan pondok di Kelantan semakin merosot. Sehingga kini hanya tinggal beberapa buah pondok sahaja yang mampu bertahan untuk melangsungkan pendidikan Islam tradisional.

Di samping kehilangan pusat-pusat pengajian pondok yang tidak dapat bertahan, negeri Kelantan juga telah kehilangan ramai tokoh-tokoh ulama' yang berkaliber. Walaupun berbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan dan rakyat negeri ini bagi melangsungkan kesinambungan silam terus dikekalkan, namun yang nyata

⁵ Nama penuh beliau ialah Muhammad Yusof bin Ahmad, juga dikenali dengan nama "Awang Kenali", dilahirkan di Kg. Kenali, Kota Bharu dari sebuah keluarga petani.

⁶ Nama penuhnya ialah Haji Wan Musa bin Haji Abdul Rahman bin Abdul Ghafur, anak kedua kepada Tuan Tabal, dilahirkan di Lorong Tok Semian, Kota Bharu.

⁷ Nama penuh beliau ialah Haji Abdul Rahman bin Haji Uthman bin Senik, dilahirkan di Kg. Lubuk Jong di pinggir Sg. Selehor, Tumpat.

⁸ Beliau telah dilahirkan pada 17hb. Ogos 1901 di kampung Sultan Dewa, Kota Bharu. Ayahnya bernama Ahmad bin Yusuf seorang penghulu Diraja Sultan Dewa, ibunya bernama Che Biru bt. Abu Bakar.

⁹ Abdul Halim Ahmad (1984). "Pendidikan Islam di Kelantan". Khoo Kay Kim (ed.). *Warisan Kelestanan*. Kota Bharu : Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Istana Jahar, 1982, h. 1.

kini bilangan tokoh ulama' semakin berkurangan. Rakyat Kelantan khususnya dan Malaysia amnya telah kehilangan suatu warisan bangsa yang amat berharga.

Sebagai contoh, dalam tempoh setahun sahaja pada 1987-1988 rakyat Kelantan telah kehilangan empat orang tokoh ulama' yang menjadi sumber rujukan masyarakat dan kerajaan, mereka ialah Dato' Mufti Haji Muhd. Noor pada 13hb. Februari 1987 diikuti oleh Imam Tua Masjid Langgar, Haji Ismail bin Abdul Rahman pada 14hb November 1987. Tiga bulan selepas pemergian beliau telah disusuli oleh Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, Pondok Sungai Durian pada 21hb. Februari 1988 dan yang terakhir ialah tokoh yang banyak berjasa dalam perkembangan Islam di Kelantan iaitu Dato' Haji Ismail Yusoff pada 1hb. April 1988. Beliau adalah Mufti kerajaan negeri yang ke-9 dalam senarai Mufti-mufti Kerajaan Kelantan sejak Haji Nik Wan Daud bin Haji Wan Sulaiman dilantik sebagai Mufti yang pertama.¹⁰

Disamping tugas sebagai seorang Mufti kerajaan beliau juga banyak menghasilkan buku-buku teks pendidikan Islam untuk kegunaan sekolah agama di Kelantan dan juga beberapa buah buku untuk panduan umum. Antara tulisan beliau yang masih digunakan hingga hari ini ialah *Panduan Mengerja Haji. Himpunan Fatwa Kerajaan Negeri Kelantan* dan *Mugaddimah Mustika Hadith*. Beliau merupakan salah seorang tokoh ulama' pendidikan pondok yang banyak

¹⁰ Abdu' Razal, Mahmud (1988), "Dato' Haji Ismail Dalam Kenangan", *Pengasuh*, Bil. 493, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1988, h. 5.

menghasilkan tulisan ilmiah. Ketokohan beliau dalam penulisan amat mengagumkan.¹¹

Untuk menyingkap perjuangan ulama' yang telah menabur jasa bakti terhadap perkembangan Islam di negeri ini maka suatu kajian yang khusus harus dilakukan, agar segala apa yang telah diperjuangkan oleh mereka dapat dihargai dan ditauladani oleh generasi kini. Oleh kerana itulah kajian ini dibuat bagi mengetahui apakah bentuk sumbangan yang telah diberikan oleh Dato' Haji Ismail Yusoff terhadap perkembangan Islam di Kelantan.

1.1 Negeri Kelantan

Mengikut catatan sejarah, Kelantan merupakan salah sebuah negeri yang tertua terdapat di Semenanjung Tanah Melayu.¹² Kelantan merupakan tempat penyebaran kebudayaan yang penting di semenanjung Tanah Melayu semenjak zaman pra-sejarah, Mesolitic dan Neolithic lagi. Ini kerana kedudukan geografinya yang strategi dan isi bumi yang kaya menjadi tumpuan manusia.¹³

Ahli sejarah mempercayai bahawa telah wujud beberapa buah kerajaan di negeri Kelantan selewat-lewatnya pada abad ke-5 M. Pada zaman tersebut wujud

¹¹ Temuramah dengan Ustaz Abdul Razak Mahmud 55 tahun, Pegawai Penerbitan Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada pukul 3.25 petang, 21hb November 2001 di pejabat beliau di Perpustakaan Islam MAIK, Kota Bharu.

¹² Nik Mohammed bin Nik Mohd. Salleh (1980), "Salasilah Raja-Raja Kelantan", (Kertas Kerja Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan di Kota Bharu pada 12 -15hb. April 1980), h. 1.

¹³ Sy'ad Shukri bin Haji Mu'azu, Abdullah Al-Qari bin Haji Salleh dan Abdul Rahman Al-Ahmadi (1971), *Detik-detik Sejarah Kelantan*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press, c. 1, h. 13-25.

kerajaan Sriwijaya I yang dipercayai terletak di Kelantan. Pendapat ini dikemukakan oleh Dr. Mohd. Yamin dan Dr. Amir Hussien dan diperkuatkan oleh pendapat Dr. Meons yang menyatakan bahawa kerajaan Sriwijaya I adalah terletak di Kelantan.¹⁴

Kelantan merupakan salah sebuah negeri dalam Malaysia. Dari kedudukan geografi, Kelantan terletak di Pantai Timur. Utara Semenanjung Malaysia, antara garis lintang $4^{\circ} 32'$ dan $6^{\circ} 15'$ di utara dengan garis bujur $101^{\circ} 19'$ dan $102^{\circ} 37'$ di timur.¹⁵ Bersempadan di sebelah utara ialah Laut China sepanjang 78.4 km, di sebelah timur jalah rangkaian Laut China dan negeri Terengganu dan di bahagian selatan dengan negeri Pahang, manakala di sebelah barat pula bersempadan dengan negeri Perak dan utara wilayah Narathiwat di Selatan Thailand.¹⁶

Negeri Kelantan mempunyai kawasan seluas 15,024 kilometer persegi¹⁷ atau 1.492.200 hektar yang mewakili 4.40 % keluasan Malaysia.¹⁸ Ibu negerinya ialah Kota Bharu, terletak kira-kira 10 kilometer dari kuala Sungai Kelantan.¹⁹ Kelantan

¹⁴ Nik Hassan Suhaimi (1986), *Kelantan Dalam Perspektif Arkeologi*, Kota Bharu : Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 11.

¹⁵ Abdul Razak Mahmud (1997), *Pelajaran Tata Rakyat Negeri Kelantan (I)*, Kota Bharu : Sofi's Friend & Book Dealer, h. 1.

¹⁶ Mohd. Zain bin Salleh (1985), "Negeri Kelantan Selayang Pandang", *Fokus Negeri Kelantan*, Kota Bharu: Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan, April 1985, h. 152.

¹⁷ _____ (2000), *Buku Laporan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000*. Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia, h. 1.

¹⁸ _____ (2000), *Buku Cenderahati Perayaan Sempena Ulangtauhun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan Yang ke-50*, 2000. Lampiran 1 dan 6.

¹⁹ Mohd. Zain bin Salleh (1987). *Keluarga Di Raja Kelantan Darul Naim*. Kota Bharu : Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Istana Jahar, h. 159.

terbahagi kepada 10 buah jajahan dan 63 buah daerah. Setiap jajahan diketuai oleh seorang ketua jajahan dan di setiap daerah diketuai oleh seorang penggawa.²⁰

Sepuluh jajahan pentadbiran tersebut ialah Kota Bharu dengan keluasan 40.900 hektar, Pasir Puteh dengan keluasan 43.300 hektar, Machang dengan keluasan 54.400 hektar, Pasir Mas mempunyai keluasan 57.800 hektar , Tanah Merah dengan keluasan 86.800 hektar, Jeli dengan keluasan 132.900 hektar, Kuala Krai dengan keluasan 222.500 hektar, Tumpat dengan keluasan 16.800 hektar persegi merupakan jajahan yang paling kecil dan Gua Musang adalah jajahan yang paling luas dengan keluasan 810.400 hektar persegi.²¹

Jadual 1.1

KELUASAN JAJAHAN PENTADBIRAN DI KELANTAN

Bil	Jajahan	Hektar	%
01	Kota Bharu	40.900	2.7
02	Pasir Mas	57.800	3.9
03	Tumpat	16.800	1.1
04	Pasir Puteh	43.300	2.9
05	Bachok	26.400	1.8
06	Kuala Krai	222.500	14.9
07	Machang	54.400	3.7
08	Tanah Merah	86.800	5.8
09	Jeli	132.900	8.9
10	Gua Musang	810.400	54.3
Jumlah		1,622,200	100.0

Sumber : *Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kelantan 2000.*

²⁰ Abdul Razak Mahmud (1997), *loc. cit.*

²¹ Mohd. Zain bin Salleh (1987), *loc.cit.*

Kelantan antara negeri yang majoriti penduduknya adalah berbangsa Melayu dan penganut agama Islam yang menjangkau 94.5 % dari keseluruhan penduduk. Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia 2000, penduduk negeri Kelantan berjumlah 1,313,014 orang dengan kadar pertumbuhan dari tahun 1991-2000 ialah 0.9 %. Bumiputra Melayu seramai 1,227,293 orang, iaitu 95.0 %, Cina seramai 49,067 orang, iaitu 3.8 %, keturunan India seramai 3,683 orang, iaitu 0.3 % dan lain-lain kaum seramai 12,176 orang, iaitu 0.9 %.²²

Dari segi kompasiisi kumpulan agama pula, agama Islam merupakan agama yang paling besar dianuti oleh masyarakat Kelantan. Kemudian diikuti oleh agama Buddha, Hindu, Kristian, Confucius dan agama suku kaum peribumi.

Jadual 1.2

KOMPASISI KUMPULAN AGAMA

BIL	AGAMA	BILANGAN	PERSEN
01	Islam	1,240,360 orang	94.5
02	Budhha	58,203 orang	4.4
03	Hindu	3,254 orang	0.2
04	Kristian	2,360 orang	0.2
05	Agama Suku kaum	6,934 orang	0.5
06	Confucius	1,216 orang	0.1

Sumber : *Jabatan Perangkaan Malaysia 2000*.

²² *Buku Laporan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000, Ibid. h. 45.*

Nama timangan bagi negeri Kelantan ialah “Darul Naim”. Nama ini telah dicadangkan oleh Haji Wan Muhammad bin Abdul Samad, Mufti kerajaan negeri pada ketika itu dalam State Council pada bulan Julai 1916 dan telah mendapat ampuni perkenan baginda sultan Muhammad IV dan ianya dipakai hingga ke hari ini.²³

Negeri Kelantan dahulunya dikenali dengan berbagai nama. Pada zaman ribuan tahun dahulu negeri Kelantan dikatakan bernama “Medang Kamulan”. Di awal abad pertama Masihi ia bernama “Medang Gana” dan nama ini berlanjutan sehingga abad ke lima sebelum ia berubah lagi kepada nama “Kalatana” atau “Tanah Kala”.²⁴

Mengikut catatan sejarah Dinasti Tang (618 – 907 M) dan di dalam ensiklopedia Ma Tuan-Lin, ada disebut mengenai “Ko-lo” atau “Ko-lo-Fu-sha-lo”. “Ko-lo” dikatakan oleh Ma Tuan-Lin sebagai tempat yang amat lama dan pernah disebut-sebut dalam masa Dinasti Han lagi, iaitu dalam tahun 206 (sebelum Masihi) hingga 221 (selepas Masihi). Ada juga disebut dalam penulisan Ma Tuan-Lin dan lain-lain penulisan China tentang sebuah pelabuhan bernama “Ku-lo”, yang kerap dilawati oleh para pedagang China dalam Dinasti Sung (960–1127 M). Tempat ini terletak di Tanah Melayu dan ada pendapat yang mengatakan “Ku-lo” ialah Kelantan. Daripada penulisan China juga terdapat

²³ Ismail Awang (2001), “ Mufti Haji Wan Muhammad (1870-1920)”, dalam *Tokoh-tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (I)*, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2001. h. 208.

²⁴ Abdul Razak Mahmud (1997), *op.cit*, h. 7.

nama-nama seperti “Ho-lan-tan” atau “Kou-lo-tan”. Ini disebut dalam kurun ke-7 dan dikatakan terletak di selatan Siam dan dikelilingi oleh laut di bahagian utara.²⁵

Pada akhir abad ke-6 Masehi, nama negeri Kelantan bertukar kepada “Raktamrittika” yang bererti “Negeri Tanah Merah”. Ahli sejarah berpendapat bahawa nama Raktamrittika ini adalah sama dengan “Ch’ih-t’u” yang disebut oleh We Ching (581-643).²⁶ Ibu negeri Ch’ih-t’u ialah Seng-chih atau Shih-tzu, ianya terletak bersempadan dengan Teluk Siam di sebelah timur.²⁷ Dalam abad ke-7 Masehi sebuah nama baru iaitu “Sri Wijaya Mala” muncul mengantikan Raktamrittika dan pada abad ke-8 sekali lagi nama Kelantan berubah kepada “Tanah Seri Indah Sekebum Bunga” yang disebut oleh orang Cina dengan nama “San-Fo-Tse”).²⁸

Nama Kelantan, menurut Gerini, adalah gabungan perkataan Koli, yang disebut “kolom” atau “kolam” mengikut loghat Kelantan, dengan perkataan “thana” atau “tanah” dan perkataan “auta” atau “autam” bermaksud “sempadan”. Gabungan ini kemudian menjadi “Kolamtanah” yang akhirnya menjadi “Kelantan”.²⁹

Manakala dari padanan nama tempatan pula, mengikut As’ad Syukri dalam bukunya *Sejarah Kelantan* bahawa nama Kelantan diambil dari kesimpulan yang

²⁵ Zakiah Hanum (1953), *Asal-usul Negeri-negeri Di Malaysia*, Singapura : Times Books International, h. 23.

²⁶ Abdul Razak Mahmud (1997), *loc.cit.*

²⁷ Mohd. Dahlan Mansoor (1979), *Pengantar Sejarah Nusantara Awal*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 55.

²⁸ Abdul Razak Mahmud (1997), *op.cit.* h. 8.

²⁹ Zakiah Hanum (1953), *op.cit.* h. 22-23.

berkemungkinan “Kilatana”, “Gelam Hutan” dan “Kelang Tang”.³⁰ Menurut cerita-cerita lisan pula menyatakan nama “Kelantan” berasal dari *gelam hutan* atau *Melaleuca Leucadendron* sejenis pokok gelam (swamp tree) yang berada di sekitar pantai ketika itu.³¹

Dari segi sosio-ekonomi, Kelantan merupakan negeri pertanian.³² Kebanyakan penduduk di negeri Kelantan bergiat dalam bidang pertanian, perniagaan dan bekerja dengan kerajaan. Penduduk yang tinggal di kawasan pendalamatan atau kampung lebih tertumpu pada kegiatan pertanian seperti menanam padi serta menoreh getah, manakala mereka yang tinggal di kawasan bandar melibatkan diri dengan kegiatan perdagangan atau perniagaan seperti berniaga di pasar-pasar, di kedai-kedai dan bekerja sebagai penjaja. Sebahagian daripada penduduk di kawasan bandar juga bekerja di jabatan-jabatan kerajaan.³³

Kegunaan tanah terbanyak dalam negeri Kelantan ialah dalam bidang pertanian, hampir separuh daripada keluasan negeri dikategorikan sebagai tanah simpan. Selainnya dikategorikan sebagai tanah kerajaan negeri dan tanah pertanian. Tanah yang digunakan untuk pertanian seluas 314,693 hektar iaitu 21.0 % dari keluasan negeri dengan lebih kurang separuh dari penduduk negeri mengambil

³⁰ As'ad Syukri Hj. Muda (1962), *Sejarah Kelantan*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press, h. 51.

³¹ Alias Muhammad (1975), *Kelantan, Politik dan Dilema Pembangunan*, Kuala Lumpur : Penerbitan Utusan Melayu, h. 1.

³² Sektor pertanian adalah merupakan tungggak atau tulang belakang perekonomian negeri Kelantan. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri Kelantan pada tahun 2000 sebanyak RM 789.30 juta iaitu 23.63% pandapatan negeri. Lihat *Buku Cenderehati Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan yang ke-51*. t.p., 2001, lampiran Sosio Ekonomi, t.h.

³³ Robert Winzeier (1985). *Ethnic Relations in Kelantan : A Study of Chinese and Thai As Ethnic Minorities in Malay State*, Singapore : Oxford University Press, h. 10-11.

bahagian dalam bidang pertanian.³⁴ Tanah berhutan pula selau 894,300 hektar yang meliputi 60 % daripada keseluruhan kluasan Kelantan.³⁵

Bumi Kelantan telah didiami oleh manusia kira-kira 2000 atau 3000 tahun sebelum Masihi. Ini kerana beberapa faktor, antaranya adalah kedudukan negeri yang strategi, terletak di tengah-tengah perjalanan dari barat ke timur dan dari utara ke selatan sebagai suatu pusat perhubungan kebudayaan di Asia Tenggara dan Nusantara. Isi buminya kaya dengan emas dan galian lain.³⁶ Hakikat kenyataan ini adalah berdasarkan penyiasatan yang dibuat oleh rombongan yang diketuai oleh Dr. G.de.G Siebeking dalam tahun 1953 di kawasan Gua Cha, Daerah Ninggiri Jajahan Hulu Kelantan.³⁷

Menurut Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh dalam tulisannya yang bertajuk "Sistem Politik dan Kesultanan Kelantan" menyatakan bahawa sejak 10,000 tahun yang silam, sekurang-kurangnya bumi negeri Kelantan telah pun didatangi dan dihuni oleh manusia. Hakikat ini telah dibuktikan oleh penemuan bahan-bahan peninggalan zaman pra sejarah atau artifak-artifak di beberapa tempat di dalam negeri Kelantan, terutama sekali di kawasan Hulu Kelantan.³⁸

³⁴ Dalam bentuk angkanya seramai 589,500 orang atau 76,563 keluarga yang terlibat. Abdul Razak Mahmud (1997), *op.cit.*, h. 3.

³⁵ Hassan Harun (1999), *Kelantan Rakyat Dinamik, Negeri Semakin Ketinggalan*, Kuala Lumpur : DD Mediaconsult sdn. Bhd., h. 20.

³⁶ Sa'ad Shukri bin Haji Muda (1971), *loc.cit.*

³⁷ Muhammad Hussein Khalie bin Haji Awang (1970), *Kelantan Dari Zaman Ke Zaman*, Kelantan: Syarikat Dian Sdn. Bhd., Kota Bharu, h. 6.

³⁸ Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (1987), "Sistem Politik dan Kesultanan Kelantan" dalam *Kelantan Zaman Awal : Kajian Arkeologi dan Sejarah Di Malaysia*, Kota Bharu : Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Istana Jahar, 1987, h. 15.

Dalam tahun 1939, beberapa artifak telah dijumpai di daerah Gua Madu, Gua Menteri dan Gua Musang di Hulu Kelantan. Artifak-artifak itu terdiri daripada bahan-bahan yang diperbuat daripada batu seperti mata kapak, mata beliung, penumbuk untuk menumbuk kulit kayu dan batu giling. Di samping itu telah dijumpai juga pasu dan mangkuk, sisa makanan, tulang-tulang rangka manusia dan alat yang diperbuat dari tulang.³⁹ Bahan-bahan tersebut adalah peninggalan Kebudayaan zaman Mesolitik dan zaman Neolitik.⁴⁰

Setelah digali, maka didapati ada rangka-rangka tengkorak dan tulang-tulang manusia serta lain-lain alat yang berupa senjata. Ahli-ahli penyiasat yang telah menganalisiskan rangka-rangka tengkorak, tulang dan lain-lain alat yang didapati itu telah berumur antara 2000 atau 3000 tahun sebelum Masihi.⁴¹

Oleh yang demikian tempoh zaman purba atau pra sejarah Kelantan tiada dapat ditentukan dengan tepat bilakah ianya bermula dan berakhir. Bagi negeri Kelantan zaman pertengahan merupakan zaman pertumbuhan dan perkembangannya. Dalam hal ini hakikat Kelantan sebagai negeri tertua di Tanah Melayu menunjukkan tiada penafian fakta-fakta sejarah, cuma sebutan atau namanya sahaja yang berbeza.⁴²

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ Mesolitik adalah kebudayaan Bacson-Hoabinh menurut nama daerah-daerah di mana banyak dijumpai hasil-hasil pertukangan kebudayaan ini di daerah Bacson dan Hoabinh di Tong King, Vietnam Utara sekarang. Zaman ini berlangsung dari kira-kira tahun 8000 hingga tahun 2000 sebelum Masihi. Kebudayaan Neolitik pula berlangsung kira-kira dari tahun 2000 hingga tahun 300 sebelum Masihi.

⁴¹ Muhammad Hussein Khalife bin Haji Awang (1970), *loc. cit.*

⁴² Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salieh (1984) "Perkembangan Penulisan Sejarah Kelantan dan Tinjauan Mengenai Sumber-sumbernya", dalam *Warisan Kelantan III*. Kota Bharu : Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Istana Jahar, 1984, h. 3 - 4 .

Kelantan juga boleh dianggap sebagai sebuah negeri yang unik di Semenanjung Malaysia berbanding dengan negeri-negeri Melayu yang lain. Di kalangan anak Kelantan lahir ramai tokoh yang terkenal dalam bidang politik, kesusastraan, seni dan yang paling utama ialah bidang agama adalah berasal dari Kelantan. Kelantan juga mempunyai sejarahnya yang tersendiri dan masyarakatnya mempunyai "temperament" (perangai) yang agak unik. Ini telah diakui oleh seorang pemimpin British iaitu Sir Frank Swettenham,

*"The people of this place have certain peculiar customs, of which may mentioned that they are Muhammadans, the women move about as freely as the men"*⁴³

W.R. Roff juga memberi gambaran yang menarik mengenai masyarakat Melayu Kelantan, katanya :

*For many Malaysian and others Kelantan has come – like Bali or Aceh in Indonesia – to symbolize remoteness and in-dependence, physical, beauty and cultural vitality allied with economic under development, religious paculiality and political radicalism.*⁴⁴

⁴³ Alias Muhamad (1975), *Kelantan : Politik dan Dilema Pembangunan*, Kuala Lumpur : Utusan Melayu Berhad, h. 22. dipetik dari tulisan Sir Frank Swetterhan, *British Malaya*, Allen and Unwin, h. 314.

⁴⁴ Willian R. Roff (1974), *Kelantan : Religion Society And Politics in a Malay State*. Kuala Lumpur : Ari Printing Works, h. 15.

2. PENGERTIAN TAJUK

Kajian ini akan cuba menyingkap sumbangan dan jasa yang telah diberikan oleh seorang tokoh ulama' Kelantan era pasca kemerdekaan dengan tajuk " Dato' Haji Ismail Yusoff : Sumbangannya Terhadap Perkembangan Islam di Kelantan ". Penulis merasakan perlu diberi penjelasan mengenai beberapa perkataan dalam tajuk kajian ini agar pengertian tajuk akan menjadi lebih jelas untuk dibincangkan.

Perkataan "sumbangan" adalah kata terbitan berasal dari kata "sumbang" yang mendapat akhiran "an". Di dalam Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan, kata "sumbangan" bererti : memberi solok, turut membantu atau turut menyokong. Sumbangan ertinya pemberian, penyolokan, bantuan, pertolongan yang diberikan dan sokongan.⁴⁵ Daripada pengertian tersebut perkataan *sumbangan* dapat diertikan berkaitan dengan kajian ini ialah segala usaha atau bantuan yang diberikan oleh tokoh yang dikaji sama ada secara langsung atau tidak dalam perkembangan Islam di Kelantan.

Manakala perkataan "perkembangan" pula adalah kata terbitan berasal dari kata "kembang" mendapat awalan "per" dan akhiran "an". Dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga, perkataan *perkembangan* bererti suatu perihal atau proses berkembang

⁴⁵ Haji Zainal Abidin Safarwan (1995). *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., c. I, h. 1813.

menjadi maju atau tersebar luas. Ianya juga membawa erti pertumbuhan, kemajuan dalam berbagai bidang seperti politik, sosial, bahasa dan ilmu pengetahuan.⁴⁶ Perkembangan Islam akan ditinjau dalam kajian ini meliputi pentadbiran agama Islam, Pendidikan Islam, persuratan dan penulisan serta penerbitan majalah Islam.

Perkataan “Islam” pula berasal dari bahasa Arab, kata dasarnya ialah *salima* yang membawa erti : sejahtera, memberi, menyerah, akur, taat dan patuh.⁴⁷ Sebagai agama, Islam merupakan penyerahan diri dan ketaatan secara total kepada Allah s.w.t dan ajaran yang dibawa oleh Nabi saw Muhammad s.a.w.⁴⁸ Ajaran Islam memerintah umatnya taat kepada segala perintah Allah dan menjauhi larangan Nya.⁴⁹

Menurut Hassan Ayyub, Islam dari sudut syarak ialah kepatuhan, ketundukan diri dan ketenangan hati serta penerimaan setiap ajaran agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.⁵⁰ Ajaran Islam merangkumi segenap aspek kehidupan manusia yang bermula dari hal-hal keagamaan, kehidupan dunia, perhubungan sesama manusia, politik dan ekonomi. Ianya merupakan agama yang direhui oleh Allah s.w.t untuk umat manusia. Perkara ini telah ditegaskan oleh Allah s.w.t dalam al-Quran, firmannya :

⁴⁶ Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 625.

⁴⁷ Ahmad Mukhtar Umar, c.d (1988), *Al-Mu'jam Al-Arabi Al-Asasi*, Tunis: Al-Munazzamah Al-Arabiah lil al-Tarbiah Wa al-Thaqafah Wa al-Ulum, h. 637-638.

⁴⁸ Syeikh Ibrahim ibn Muhammad al-Bajuri (1983), *Tutufatu'l Murid Syarh Ja'iharatul al-Ta'hid*, Bairut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, c. II, h. 63-64.

⁴⁹ Abu al-'Ila al-Maududi (t.t), *Towards Understanding Islam*, Terj. Elwin Siregar, *Dasar Akidah Islam*, Jakarta: Media Dakwah, h. 18.

⁵⁰ Hassan Ayyub (1980), *Tabqit al-'Aq'id al-Islamiyyah*, Kuwait: Dar al-Qur'an al-Karim, h. 41.

وَمَنْ يَتَّخِذُ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يَعْلَمَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ
الْخَاسِرِينَ

Surah Ali 'Imran, (3) : 85

Bermaksud : “Dan barangsiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima (agama itu) daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi”.⁵¹

Terjemahan Surah Ali 'Imran, (3) : 85

Pengertian Islam secara umum dan menyeluruh seperti yang digariskan oleh Islam sendiri iaitu penyerahan diri kepada Allah. Oleh itu Islam melahirkan rasa keimanan di dalam hati dan menyatakannya secara praktikal dengan ikrar *Shahādah*, mengerjakan ibadat dan melaksanakan hukum-hukum syarak dalam semua aspek kehidupan.⁵²

Berdasarkan pengertian di atas, maka jelaslah bahawa kajian ini adalah berhubung dengan sumbangsan tokoh tersebut terhadap perkembangan Islam di Kelantan. Perkembangan Islam pula akan dilihat dalam berbagai aspek seperti sejarah kedatangan Islam ke Kelantan, pentadbiran agama Islam, pendidikan Islam dan perkembangan penulisan dan persuratan Islam. Huraian lanjut berhubung dengan pengertian dan sejarah perkembangan Islam ini akan disentuh oleh penulis di dalam bab dua .

⁵¹ Sheikh Abdullah bin Muhd Basmeh dan Muhd Noor bin Haji Ibrahim (1990), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, C. 10, h.

⁵² Ahmad bin Haji Mohd Salleh (1984), *Kursus Pendidikan Islam*, Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., Kota Bharu, c. I. , h. 3.

3. PERUMUSAN MASALAH

Untuk mengkaji peranan yang dimainkan oleh Dato' Haji Ismail Yusoff dalam memberi sumbangan terhadap perkembangan Islam di Kelantan, tumpuan yang diberikan adalah sumbangan beliau di negeri Kelantan memandangkan kepada jasa-jasanya yang terdapat di negeri ini, penulis dapat merumuskannya kepada beberapa permasalahan, di antaranya:

- a) Apakah bidang sumbangan yang telah diberikan oleh Dato' Haji Ismail Yusoff kepada perkembangan Islam di Kelantan ?
- b) Apakah pula bentuk sumbangan yang telah diberikan oleh tokoh kepada perkembangan pendidikan Islam sama ada secara formal atau tidak formal?
- c) Apakah bentuk sumbangan dan jasa beliau dalam perkembangan pentadbiran agama Islam di Kelantan ?
- d) Apakah tajuk-tajuk tulisan beliau sama ada dalam bentuk buku teks sekolah, buku bacaan umum dan artikel serta kertas kerja. Sejauh manakah sumbangan penulisan beliau dalam berbagai bidang mengenai Islam dapat mempengaruhi kehidupan masyarakat setempat?
- e) Bagaimanakah cara yang digunakan oleh beliau dalam mengembangkan pengaruh dan kefahaman Islam di kalangan masyarakat?
- f) Apakah gagasan pemikiran beliau yang telah disumbangkan melalui penulisan, pengajaran dan perkhidmatan sepanjang menjawat jawatan Timbalan Mufti dan Mufti Kerajaan Negeri ?

4. SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Penyelidikan ini mempunyai skop dan perbatasan tertentu, antaranya :

- a) Penyelidikan ini dibuat khusus mengenai Dato' Haji Ismail Yusoff. Walaupun terdapat beberapa perkara lain yang disebut dalam disertasi ini tetapi ianya mempunyai kaitan dengan tokoh dan perjalanan hidupnya.
- b) Penyelidikan ini adalah khusus mengenai sumbangan beliau kepada perkembangan Islam di Kelantan sama ada secara formal atau tidak formal di sepanjang tempoh penglibatan beliau sebagai guru agama di madrasah Jamie' Merbau dan halaqah Muhammadi, Perkhidmatan beliau dengan MAIK dan aktiviti beliau dalam bidang penulisan.
- c) Penyelidikan ini secara khususnya memfokuskan kepada perkembangan Islam di negeri Kelantan sahaja.

5. ALASAN MEMILIH TAJUK

Penulis berminat untuk meneliti, mengkaji dan mendalami riwayat hidup serta sumbangan yang telah diberikan oleh Dato' Haji Ismail Yusoff sepanjang hidupnya terhadap perkembangan Islam di Kelantan kerana beberapa sebab, antaranya ialah :

- a) Persoalan dalam tajuk di atas belum pernah diteliti dan dikaji oleh orang lain sebelum ini secara menyeluruh. Walaupun terdapat beberapa penulis lain yang pernah menulis mengenai sejarah hidup Dato' Haji Ismail Yusoff seperti Muhammad bin Yunan dalam bukunya *Tokoh-tokoh Pendidikan Yayasan Islam Kelantan* dan Abdul Razak Mahmud dalam tulisannya dalam majalah *Pengasuh* dan *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung (2)*, namun tulisan mereka amat ringkas dan terbatas. Oleh kerana itulah penulis merasakan perlu dibuat suatu kajian yang mendalam dan menyeluruh terhadap beliau dan segala sumbangannya terhadap perkembangan Islam di Kelantan bagi melengkapi tulisan dan kajian mereka yang terdahulu.
- b) Fokus kepada kajian ini bersesuaian dengan bidang pengajian yang penulis pelajari iaitu Sejarah dan Tamadun Islam.
- c) Pokok kajian dalam tajuk di atas dapat dilaksanakan oleh penulis untuk mengkjajinya kerana terdapat banyak buku-buka tulisan beliau dan catatan mengenai sejarah hidupnya yang tersimpan di perpustakaan Islam MAIK dan Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri, serta koleksi peribadi sama ada yang telah diterbitkan atau belum. Begitu juga masih ramai terdapat ahli keluarga terdekat beliau yang masih hidup seperti isteri beliau Datin Che Hawa dan anak-anaknya, di antara mereka ialah Datin Dr. Paizah, menantu beliau iaitu Profesor Dato' Dr. Mahmood Zuhdi serta sahabat handai dan anak muridnya yang masih hidup. Dengan terdapatnya banyak sumber maklumat yang dapat membantu kajian ini, penulis merasakan kajian ini berada dalam lingkungan kemampuan penulis.

- d) Masih ramai tokoh-tokoh ulama yang telah banyak menabur jasa kepada agama dan negara telah dilupai oleh masyarakat terutama generasi muda. Dengan kajian ini diharap dapat memberi pendedahan kepada masyarakat agar jasa mereka dapat dikenang dan ditauladani.

6. TUJUAN DAN KEPENTINGAN PENYELIDIKAN

6.1 Tujuan Penyelidikan

Penyelidikan ini dijalankan selain dari memenuhi syarat bagi mendapat Ijazah Sarjana Usuluddin dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, ianya juga bertujuan untuk mengetahui perkara-perkara berikut :

- a) Untuk menyingkap sejarah hidup Dato' Haji Ismail Yusoff.
- b) Untuk mengetahui sumbangan dan jasa yang diberikan oleh beliau kapada perkembangan Islam di Kelantan.
- c) Untuk mengetahui sejarah perkembangan Islam di Kelantan yang meliputi pentadbiran agama, pendidikan Islam dan bidang penulisan dan kesusasteraan Islam.
- d) Untuk mengetahui gagasan pemikiran beliau melalui penulisan dan pengajarannya.
- e) Untuk melakukan penyelidikan mengenai biografi tokoh ulama' tempatan yang pada masa ini masih kurang tulisan-tulisan yang relevan mengenai tokoh ulama' tempatan.

6.2 Kepentingan Penyelidikan

Penyelidikan ini adalah penting kerana :

- a) Sebagai bahan informasi kepada masyarakat yang cintakan ilmu pengetahuan.
- b) Sebagai bahan informasi kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya tentang Dato' Haji Ismail Yusoff dan sumbangannya kepada perkembangan Islam di Kelantan.
- c) Sebagai sumbangan penulis dalam khazanah ilmu pengetahuan ; khususnya berhubung dengan apa yang diselidiki.
- d) Untuk menambahkan wawasan berfikir dan sebagai latihan dalam menjalani penyelidikan ilmiah berhubung dengan perkara yang dikaji.

7. METODOLOGI PENYELIDIKAN

Dalam penyelidikan ilmiah, metodologi memainkan peranan yang utama dan merupakan teknik terpenting bagi mendapatkan data dan fakta yang bersangkutan secara sistematis dan kolektif. Apabila sesuatu kajian itu menggunakan metodologi yang tepat dan sesuai maka sebuah penelitian yang berkualiti dan bermutu akan dapat dihasilkan. Sebelum penulis memaparkan metode-metode yang digunakan di dalam penyelidikan ini, terlebih dahulu perlu diketahui apakah yang dimaksudkan dengan metodologi penyelidikan?

Perkataan metodologi berasal dari bahasa Yunani Kuno, ianya terdiri dari dua kalimah iaitu “methodos” dan “logos”. Perkataan *methodos* membawa erti jalan atau cara dan *logos* pula memberi pengertian sebagai ilmu mengenai sesuatu. Dalam bahasa Inggeris disebut “*method*”. Ia bererti sistem, aturan, cara membuat sesuatu atau kaedah.⁵³ Perkataan ini juga digunakan di dalam bahasa Melayu dengan pengertian yang sama. Dalam penggunaan biasa, metode bererti kaedah, jalan, teknik, gaya, ragam, bentuk, corak, aturan, cara dan sistem.⁵⁴ Dengan itu, metode ialah cara atau jalan untuk melakukan sesuatu.⁵⁵

Manakala perkataan “penyelidikan” yang dalam bahasa Inggerisnya disebut *research* ialah suatu usaha untuk mencari penyelesaian terhadap suatu persoalan dengan menggunakan disiplin ilmiah. Pengertian ini telah dijelaskan oleh Koentjaraningrat dalam tulisannya *Beberapa Azas Metodologi Ilmiah*: “... sedangkan usaha untuk dengan sengaja menangkap gejala-gejala tadi berdasarkan disiplin metodologi ilmiah dengan tujuan menemukan prinsip-prinsip baru di belakang gejala-gejala tadi, disebut penelitian”.⁵⁶ Dalam bidang penyelidikan ilmiah metodologi bererti tatacara yang teratur yang digunakan oleh manusia untuk menambah ilmu pengetahuan baru.⁵⁷ Lanya bersangkutan dengan masalah cara kerja. Melalui cara kerja ini objek yang menjadi sasaran ilmu yang bersangkutan dapat difahami.⁵⁸

⁵³ Khalid M. Hussain (1999), *Kamus Dwibahasa*, Kuala Lumpur : Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, c. XIII., h. 781.

⁵⁴ Haji Zainal Abidin Safarwan (1995), *op. cit.*, h. 161.

⁵⁵ Koentjaraningrat (1983), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: P T Gramedia, h. 7.

⁵⁶ *Ibid.*, h. 13.

⁵⁷ Ahmad Mahdzan Ayob (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosio-ekonomi Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3.

⁵⁸ Koentjaraningrat (1983), *op. cit.*, h. 7.

Menurut Prof. Imam Barnadib, maksud metode penyelidikan itu ialah ilmu tentang cara mengadakan penyelidikan.⁵⁹

Setelah disentuh pengertian metode penyelidikan, sekarang penulis mengemukakan bentuk penyelidikan dan metode-metode yang digunakan di dalam penyelidikan ini. Secara umumnya penulis telah menggunakan dua metode, iaitu metode pengumpulan data dan metode analisa data.

7.1 Metode Pengumpulan Data

Dalam usaha mengumpulkan data-data yang bersangkutan dengan kajian ini, penulis telah menganalisa data-data yang terkumpul kemudian data tadi diproses serta disusun untuk dijadikan sebuah laporan lengkap dalam bentuk sebuah disertasi sarjana. Keadaan ini penting kerana penelitian membawa erti usaha-usaha yang dilakukan dengan cara dan penafsiran terhadap data yang terkumpul.⁶⁰ Dalam usaha mengumpulkan data yang diperlukan penulis menggabungkan beberapa metode dengan melakukan dua bentuk penyelidikan utama iaitu Penyelidikan Perpustakaan (*Library Research*) dan Penyelidikan Lapangan (*Field Research*).

⁵⁹ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h. 51.

⁶⁰ Abdul Halim, br. Haji Ma. Drifat (1986), "Falsafah, Pendidikan, Islam, di Institut Pengajian Tinggi di Malaysia", (Desertasai Ph.D., IAIN Sunan Kalijogo, Yogyakarta), h. 111.

a) Penyelidikan Perpustakaan.

Kajian ini banyak bergantung kepada penyelidikan perpustakaan kerana ianya berkaitan dengan sejarah perkembangan Islam di Kelantan, sejarah hidup tokoh yang dikaji dan hasil peninggalan beliau. Penulis melakukan kajian terhadap objek-objek penyelidikan di perpustakaan dan koleksi simpanan individu untuk memperolehi data-data yang diperlukan. Data-data dan maklumat tersebut diperolehi oleh penulis dengan mengkaji dan membaca bahan-bahan rujukan seperti buku-buku, jurnal sejarah, majalah dan warta kerajaan serta karya hasil peninggalan tokoh.

Menurut Sartono Kartodirdjo, sejumlah besar data yang telah tersedia adalah berbentuk verbal seperti yang terdapat dalam surat-surat, catatan harian (*jurnal*), kenangan-kenangan (*memoirs*), laporan-laporan dan sebagainya... kumpulan data verbal yang berbentuk tulisan ini disebut dokumen.⁶¹

Untuk memperolehi bahan-bahan tersebut penulis menggunakan perkhidmatan perpustakaan yang terdapat di negeri Kelantan seperti perpustakaan al-Malik Faisal, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya di Nilam Puri, Perpustakaan Awam Negeri Kelantan, Perpustakaan Awam Kuala Krai, Perpustakaan Arkib Negara Malaysia cawangan Kelantan, Perpustakaan Islam MAIK, Perpustakaan Pustaka Aman Press dan beberapa perpustakaan mini sekolah seperti Maktabah Wan Mansur, Darul al-Quran wal al-Hadis di Pasir Pekan dan beberapa koleksi-koleksi individu.

⁶¹ Sartono Kartodirdjo (1983),⁷ "Metode Penggunaan Bahan Dokumen", dalam *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: P T Gramedia, h. 46.

b) **Penyelidikan Lapangan.**

Selain daripada penyelidikan perpustakaan, penyelidikan lapangan juga digunakan bagi melengkapi kajian ilmiah ini. Ia bertujuan membuat penyelidikan secara langsung dengan mendatangi *informen* atau objek yang menjadi sasaran kajian untuk dikaji dan diteliti serta dibuat perumusan dan kesimpulan yang perlu. Lanya juga termasuklah pengalaman seorang peneliti dengan membuat perbandingan secara langsung. Dalam konteks ini penulis mestilah mendatangi tempat kajian untuk pengamatan secara langsung dengan lebih jelas lagi mengenai objek penelitian.⁶²

Selain daripada Penyelidikan Perpustakaan dan Penyelidikan Lapangan, proses pengumpulan data juga menggunakan beberapa metode penting yang lain bagi mendapatkan informasi yang diperlukan di dalam kajian ini, iaitu :

i. **Metode Historis**

Louis Gottschalk di dalam karyanya yang berjudul *Understanding History*, telah memberikan satu gambaran yang jelas mengenai metode pensejarahan (Historis). Beliau mengatakan bahawa metode sejarah adalah proses menguji dan menganalisa secara kritis rekaman dan peninggalan masa lampau.⁶³ Bagi memperjelaskan lagi apa yang dimaksudkan dengan metode pensejarahan ini, Gilbert J. Garraghan misalnya telah mentakrifkan metode sejarah itu sebagai, "... sekumpulan

⁶² Abdul Halim bin Haji Mat Diah (1987), *Satu Contoh Tentang Huraiyan Metodologi*, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, h. 29.

⁶³ Louis Gottschalk (1975). *Understanding History : A Primer of Historical Method*. Terjemahan Nugroho Notosusanto, T.T.P.: Yayasan Penerbitan Universitas Indonesia, h. 32.

prinsip dan peraturan yang sistematik bertujuan membantu usaha mengumpul sumber-sumber sejarah dengan berkesan, meneliti dan mengkaji sumber-sumber tersebut dengan kritis dan membentangkan suatu sentesis (umumnya dalam bentuk penulisan) daripada hasil-hasil yang diperolehi.⁶⁴

Dalam konteks kajian ini, penulis membuat beberapa penelitian sejarah terhadap sejarah perkembangan negeri Kelantan dan perkembangan Islam di Kelantan dalam bab satu dan dua dari berbagai sudut begitu juga terhadap riwayat hidup tokoh yang dihuraikan pada bab tiga.

ii. Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi adalah proses pengumpulan data dengan melakukan kajian dan pembacaan terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungannya dengan masalah-masalah yang diteliti.⁶⁵ Dokumen bererti setiap proses pembuktian yang didasarkan atas jenis sumber apapun, baik yang bersifat tulisan, lisan, gambaran, atau arkeologis.⁶⁶

Dalam penelitian penulisan, penulis menggunakan metode ini terhadap dokumen-dokumen yang berhubungan kait dengan objek yang dikaji bagi mendapatkan data-data dalam hampir semua bab. Selain daripada mentelaah buku-buku, majalah,

⁶⁴ Muhd. Yusuf Ibrahim (1997), *Ilmu Sejarah : Falsafah, Pengertian, dan Kaedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 145. Dipetik Odari G.J. Garraghan (1948), *A Guide to Historical Method*. T.T.P.: S.J. Fordham University Press, c. 2 , h. 33 .

⁶⁵ Charles Issawi (1962), *Filsafat Islam Tentang Sejarah*, Terj : Dr. Ali Mukti, Jakarta: Tinta Mas, h. 36.

⁶⁶ Lihat Ahmad (1975), *Op. cit*, h. 36.

jurnal, akhbar dan karya-karya tulisan tokoh. pengumpulan dokumen juga mengambil kira kesahan dan keboleh percayaan dokumen yang dikaji. Pun begitu dari dokumen-dokumen yang diperolehi ianya diolah dan dibuat perbandingan dan seterusnya ditarik kesimpulan yang dikira mempunyai hubungan dengan kajian.

Dokumen-dokumen peninggalan tokoh yang begitu banyak seperti tulisan-tulisan beliau dalam bentuk buku, artikel dan kertas kerja telah dibaca, dikaji dan dianalisa serta dibuat ulasan ringkas mengenainya pada bab lima.

Dalam usaha mengumpul dokumen-dokumen tersebut penulis telah menghadapi beberapa kesukaran, antaranya terdapat beberapa syarikat yang mencetak buku tulisan Dato' Haji Ismail tidak menyimpan naskhah asalnya malah ada diantaranya yang membakar naskhah tersebut. Usaha pengumpulan itu akhirnya berjaya dilakukan oleh penulis dengan bantuan ahli keluarga, sahabat handai serta beberapa orang anak muridnya yang ada menyimpan tulisan beliau. Bagi memiliki dokumen-dokumen berkenaan untuk disimpan , penulis telah membuat salinan photostat.

iii. Metode Observasi

Metode observasi (pemerhatian) bermaksud memerhati atau mengamati secara terancang dan sistematis sesuatu objek yang ditentukan pada subjek penyelidikan. Ianya merupakan salah satu metode yang paling penting dalam penyelidikan dan yang pertama digunakan dalam penelitian sesuatu perkara.

Dalam konteks ini, penulis sendiri telah pergi ke tempat-tempat yang berkaitan dengan kajian untuk melihat gambaran sebenar yang berlaku. Dalam melakuakn kajian ini penulis telah menggunakan metode wawancara untuk menemubual mereka yang ada kaitan dengan objek yang dikaji dan mengambil gambar objek-objek tersebut sebagai bahan bukti yang dapat menyokong kajian ini.

iv. Metode Interview

Koentjaraningrat dalam tulisannya yang bertajuk *metode wawancara*, menjelaskan bahawa metode ini mencakupi cara yang dipergunakan oleh seseorang untuk tujuan suatu tugas tertentu, mencuba mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari seorang responden.⁶⁷

Untuk mendapatkan data-data yang bersangkutan dengan tajuk kajian ini, penulis telah melakukan interview dengan informen yang dapat memberi maklumat yang diperlukan, antara mereka yang ditemubual ialah Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Mat Diah, Ustaz Muhammad Yunan bin Mahmood, Datin Che Hawa (Isteri almarhum), Cikgu Mohd. Hilmi, Prof. Madya Datin Dr. Paizah dan ramai lagi. Mereka ini dijadikan sebagai informen pangkal dalam mencari maklumat dan data-data selanjutnya mengenai kajian ini.

⁶⁷ Koentjaraningrat (1983), *op. cit*, h. 129

7.2 Metode Analisa Data

Setelah data-data dikumpulkan penulis telah menggunakan beberapa metode atau pola berfikir untuk menganalisa data-data tersebut, antara metode penganalisaan data yang digunakan ialah metode induktif, metode deduktif dan metode komparatif.

a) Metode Induktif

Perkataan induktif berasal daripada bahasa Latin, *Inducere* bermaksud “membawa atau menuju kepada”. pemikiran induktif biasanya menuju daripada pernyataan khusus kepada pernyataan umum.⁶⁸ Mengikut Prof. Imam Bernadib dalam bukunya *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, metode induktif adalah pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum.⁶⁹

b) Metode Deduktif

Perkataan deduktif juga berasal daripada bahasa Latin, iaitu *Deducere* yang membawa erti “membawa atau menuju daripada”. Hujah deduktif biasanya menuju daripada pernyataan umum kepada pernyataan khusus.⁷⁰ Metode deduktif adalah pola

⁶⁸ Mohd. Michael Abdullah (1995), *Pemikiran Kritis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 103.

⁶⁹ Imam Bernadib (1982), *op.cit.* h. 52-53.

⁷⁰ Mohd. Michael Abdullah (1995), *loc. cit.*

berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil umum terhadap hal-hal khusus.⁷¹

Kedua-dua metode ini digunakan oleh penulis dalam mencari jawapan kepada beberapa persoalan dan kaitan antara data-data yang dikumpul.

c) **Metode Komparatif**

Iaitu membuat perbandingan di antara satu data dengan yang lain untuk menghasilkan satu kesimpulan yang seimbang dan jelas. Secara jelasnya, metode ini digunakan untuk membuat kesimpulan berdasarkan perbandingan antara data dan fakta yang diperolehi.

Penulis menggunakan metode ini dalam mencari kesimpulan dan kemasukan akalan mengenai maklumat yang telah diperolehi dari para informen dan responden agar data-data yang dilaporkan itu menjadi suatu yang valid dan boleh dipercayai.

8. SISTEMIKA PENULISAN

Secara umumnya, penulisan ini disusun secara sistematik mengikut susunan sebuah disertasi yang telah digariskan oleh peraturan penulisan disertasi ijazah tinggi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 2001.⁷² Penulis telah membahagikan

⁷¹ Imam Bernadib (1982), *loc. cit.*

⁷² Ab. Mu'min bin Ab. Ghani (et.al) (2001). *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001, 8-12.

disertasi ini kepada tiga bahagian iaitu : (1) Pendahuluan atau *Preliminari*, (2) Teks, (3) Tambahan atau *Suplementari*. Setiap bahagian mengandungi beberapa pecahan kecil yang akan diterangkan dibawah ini.

Bahagian Pertama : Pendahuluan / Preliminari

Pada bahagian pendahuluan mengandungi perkara berikut :

Halaman Judul, Abstrak , Penghargaan, Isi Kandungan Disertasi, Senarai Jadual, Senarai Kependekan atau Tatanama dan Panduan Transliterasi.

Bahagian Kedua : Teks

Bahagian teks disertasi ini dibahagikan kepada beberapa pecahan kecil, setiap pecahan itu dinamakan bab. Disertasi ini mengandungi tujuh bab kesemuannya. Di bawah ini diuraikan secara ringkas isi kandung bab-bab tersebut.

Bab Pertama : Adalah merupakan bab pendahuluan, di mana penulis telah memasukkan dalam bab ini latar belakang masalah yang merangkumi pengenalan ringkas mengenai tempat yang dijadikan subjek untuk kajian. Di sini, penulis menerangkan latarbelakang sejarah negeri Kelantan dari berbagai aspek termasuklah sosio masyarakat dan ekonomi. Dalam bab ini juga, penulis menghuraikan alasan penulis memilih tajuk, pengertian tajuk, perumusan masalah, skop dan batasan kajian, tujuan dan kepentingan penyelidikan, serta metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan.

Bab Kedua : Dalam bab ini penulis membicarakan mengenai perkembangan Islam di Kelantan. Penulis memulakan perbincangan dengan menyentuh sejarah kedatangan Islam di Kelantan kemudian diikuti dengan sejarah perkembangan Islam di Kelantan yang merangkumi pentadbiran agama Islam, pendidikan Islam dan sejarah penerbitan dan penulisan Islam di Kelantan.

Bab Ketiga : Manakala bab ketiga, penulis menghuraikan tentang biografi Dato' Haji Ismail Yusoff, meliputi; sejarah hidup beliau, keluarga, sifat-sifat keperibadian, latarbelakang pendidikannya di tanah air dan di Mekah, kerjaya yang diceburi setelah pulang dari perantauan, anugerah dan kurnia yang diterima serta peristiwa kematian almarhum.

Bab keempat, kelima dan keenam adalah merupakan laporan penyelidikan dan analisa data yang diperolehi. *Bab Keempat* : Pada bab ini penulis membicarakan mengenai sumbangan Dato' Haji Ismail Yusoff kepada perkembangan pendidikan Islam di Kelantan bermula dari membuka pondok, mengajar di Jamie' Merbau kemudiannya penubuhan Madrasah al-I'anah yang akhirnya menjadi sebuah sekolah yang diberi nama SMU(A) Maktab Pengajian Islam di Kota Bharu serta pengajaran halaqah yang di buat di serata masjid dalam negeri Kelantan terutama di masjid Muhammadi, Kota Bharu.

Bab Kelima : Penulis cuba meninjau sumbangan tokoh dalam bidang penulisan dan persuratan Islam. Bab ini dibahagikan kepada dua sub-tajuk; pertama ialah penyenaraian tulisan-tulisan tokoh dan pembahagiannya kepada jenis-jenis tertentu dengan ulasan ringkas mengenai tulisan-tulisan tersebut; kedua pula

mengenai sumbangan beliau semasa menjadi ketua pengarang majalah *Pengasuh* dan sepintas lalu mengenai sejarah majalah tersebut.

Bab Keenam : Dalam bab ini penulis cuba melihat apakah sumbangan beliau dalam bidang pentadbiran agama Islam bermula dengan jawatan Qadhi Jajahan, kemudiannya Setiausaha Mufti, Timbalan Mufti dan akhirnya Mufti Kerajaan Negeri. Tinjauan ini dilihat dari berbagai sudut selama tempoh 19 tahun beliau berkhidmat dengan kerajaan Negeri dalam pentadbiran Islam.

Bab ketujuh : Merupakan bab penutup, meliputi; kesimpulan khusus dan umum, serta saranan-saranan dan kata penutup dari penulis.

Bahagian Ketiga : Lampiran / Suplementari

Bahagian akhir disertasi ini, penulis memuatkan beberapa instrumen penyelidikan yang telah dibuat oleh penulis dalam rangka menyiapkan kajian ini, antaranya soalan-soalan temubual, peta lokasi dan gambar-gambar yang berkaitan. Di penghujung bahagian ini penulis menyenaraikan senarai rujukan yang telah digunakan sepanjang penulisan disertasi ini dalam ruangan Bibliografi.